

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

(a) apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyediakan insentif bagi golongan usahawan yang ingin memulakan perniagaan dalam tempoh pemulihan ekonomi ini; dan

(b) apakah kadar kelulusan pinjaman daripada SME Bank dan Bank Rakyat kepada permohonan yang dikemukakan dalam tempoh PKPP ini untuk membantu para usahawan menangani kesan daripada wabak COVID-19 serta apakah faktor permohonan yang tidak berjaya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) serta agensi-agensinya di bawahnya giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu usahawan yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19.
2. Selaras dengan objektif di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) iaitu bagi 'menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan', MEDAC turut menyediakan beberapa insentif bagi menggalakkan usahawan bagi mengambil peluang dalam keusahawanan bagi menjana pendapatan dalam tempoh pemulihan ekonomi ini.
3. Insentif yang ditawarkan ini adalah dalam pelbagai bentuk seperti: geran dan pembiayaan, latihan dan bimbingan keusahawanan, akses pasaran dan peluang menceburi perniagaan.

Antara inisiatif dan insentif yang dilaksanakan bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan adalah:

- (i) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE).** Program ini bertujuan membentuk daya tahan usahawan dalam mengendalikan perniagaan, memupuk semangat keusahawanan, serta anjakan paradigma belia dari pekerja kepada pemilik perniagaan. Program ini dilaksanakan sejak tahun 2014 dan sehingga kini telah melahirkan 5,001 usahawan baharu, menyediakan lebih 10,000 peluang pekerjaan dan sejumlah RM127.17 juta nilai jualan terkumpul dicatatkan daripada perniagaan yang dijalankan oleh peserta. Bagi tahun 2020, seramai 765 peserta telah dilatih berperingkat secara talian bermula pada Julai hingga September 2020. Geran bernilai lebih RM10 juta bagi memulakan perniagaan akan disalurkan secara berperingkat kepada peserta yang berjaya menamatkan latihan pada tahun 2020.
- (ii) **Program Micro Connector (CONNECT-ME).** Program ini merupakan program yang bertujuan memberi latihan khusus

di peringkat awal bagi perusahaan mikro untuk menubuhkan dan menjalankan perniagaan serta melatih komuniti B40 untuk menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan. Sejak diperkenalkan bermula Jun 2019 sehingga kini, sebanyak 7,788 peserta yang terdiri daripada syarikat dan Enterpris Mikro termasuk komuniti B40 telah mendapat manfaat dari program ini.

- (iii) Program Peningkatan Enterprise Bumiputera (BEEP).** Program ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi bantuan permulaan, pensijilan, pembungkusan, sewaan premis untuk usahawan belia, khidmat nasihat, latihan dan sokongan kewangan termasuklah dalam meningkatkan produktiviti, mekanisasi, automasi dan aktiviti e-dagang Bumiputera. Bagi tahun 2020 (sehingga Oktober), sejumlah 135 PKS telah menerima kelulusan geran berjumlah RM16.4 juta.
- (iv) TEKUN Mobilepreneur.** Melalui program TEKUN Mobilepreneur ini, TEKUN bekerjasama dengan syarikat e-hailing sedia ada dengan menyediakan pembiayaan sehingga RM10,000 bagi tujuan membaiki dan membeli motosikal yang digunakan untuk tujuan penghantaran dan peserta perlu berdaftar dengan syarikat ini sebelum membuat permohonan pembiayaan. Sehingga 18 November 2020, sebanyak 2,199 permohonan telah diluluskan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM18,267,000.

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 20 November 2020, secara keseluruhan SME Bank dan Bank Rakyat telah menerima sebanyak 4,322 permohonan pinjaman daripada usahawan, perusahaan mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta koperasi. Permohonan ini melibatkan nilai pinjaman keseluruhan sebanyak RM979.46 juta daripada kemudahan pinjaman *Special Relief Fund* (SRF) dan *Bank Rakyat Cares* (BR Cares). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,932 atau 90.9% permohonan dengan jumlah RM781.11 juta telah diluluskan pembiayaannya.

2. Faktor-faktor yang menyebabkan permohonan pinjaman tidak berjaya adalah:

(a) **Dokumentasi Tidak Lengkap Dan Kurang Kemahiran Permohonan Pinjaman Secara Online**

- Kebanyakan permohonan yang tidak berjaya mendapat kelulusan pembiayaan adalah kerana dokumentasi yang tidak lengkap seperti salinan sijil pendaftaran syarikat atau lesen perniagaan dan salinan penyata bank. Selain daripada itu, pemohon khususnya usahawan mikro dan informal luar bandar tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan untuk membuat permohonan dalam talian.

(b) **Permohonan Tidak Memenuhi Syarat Pinjaman**

- Permohonan yang tidak memenuhi syarat pinjaman adalah disebabkan oleh pemohon telah berumur melebihi 60 tahun, pemohon mempunyai rekod bayaran balik pinjaman yang tidak memuaskan dan pemohon disitihar sebagai muflis / bankrupt.

(c) **Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**

- Penguatkuasaan PKP juga secara tidak langsung menghadkan kehadiran pemohon yang berjaya untuk memuktamadkan proses dokumentasi pembiayaan. Ini menyebabkan proses permohonan pembiayaan tertangguh;
- Kedudukan pemohon yang jauh daripada lokasi agensi pembiaya juga menyukarkan proses dokumentasi dimuktamadkan sebagai mana yang ditetapkan dalam standard operating procedure (SOP) semasa sebagai contoh keperluan lawatan secara fizikal ke atas premis pemohon sebelum kelulusan.

Sekian, terima kasih.